

20/11/1999

Rais harga! kepercayaan PM

M Noh Senan

SEREMBAN, Jumaat - Datuk Rais Yatim berterima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana memilihnya dan memberi peluang bertanding semula di luboknya, Jelebu dalam pilihan raya kali ini.

Penasihat Umno Bahagian Jelebu itu, turut menghargai pucuk pimpinan Umno negeri yang mencalonkannya untuk mewakili kawasan Parlimen itu yang ditinggalkan selama tujuh tahun apabila keluar daripada Umno dan bergiat dalam Semangat 46 (S46) dengan menjadi timbalan presidennya.

"Saya bersyukur menjadi salah seorang calon Barisan Nasional (BN) kali ini dan tidak menduga langsung dipilih.

"Pemilihan ini saya sifatkan sebagai bukti pentingnya untuk merapatkan perpaduan parti dan orang Melayu seperti yang dikehendaki pucuk pimpinan," katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas pengumuman senarai calon BN yang bertanding di negeri ini oleh Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad yang juga pengerusi BN, di sini hari ini.

Rais berkata, beliau tidak menghadapi masalah untuk mempertahankan kerusi berkenaan walaupun terpaksa berhadapan dengan calon daripada Pas atau Keadilan.

Veteran Umno itu berkata, beliau biasa menghadapi cabaran dalam arena politik dan ketika bertanding di Jelebu atas tiket S46 pada 1990 hanya tewas 300 undi.

Walaupun sedih rakannya, Yunus Rahmat digugurkan daripada mempertahankan kerusi berkenaan, Rais yakin Yunus yang dilantik sebagai pengarah pilihan raya kawasan itu bekerja keras bagi kepentingan kejayaan semua calon BN.

Naib Ketua Wanita, Datuk Napsiah Omar, pula berkata beliau tidak menjangka untuk bertanding semula di Parlimen Kuala Pilah yang sebelum ini pernah diwakilinya antara tahun 1982 hingga 1995.

Menurutnya, sebagai orang parti beliau perlu memenuhi apa yang diminta seperti kata apa yang lazimnya penduduk di sini berkata: "Dia gamit (panggil) kita datang, dia suruh pergi kita poghi (pergi)."